PESANKU ..... WAHAI ANAKKU

Dalam "Qalam" bilangan yang lalu telah dihidangkan buah pena tuan 'Alī Tantāwī mengenai soal anak perempuan, pada kali ini pula tuan ini mengupas soal anak lelaki.

(Dimelayukan oleh Ahmad Ṣanahāji)

Mengapakah surat yang engkau kirim kepadaku ditulis dengan cara yang ragu-ragu, segan dan malu?

Hanya engkau seorangkah pada sangkamu yang merasa jiwanya tertekan, kerana menderita kepanasan syahwat yang datang membakar? Engkau sahajakah yang begitu, sedang orang lain tidak?

Sabarlah anakku, bukan engkau seorang yang mengeluh demikian itu. Malah hampir semua pemuda serupa mengidap seperti penyakitmu – inilah yang dikatakan "penyakit pemuda" anakku.

Banyak rencananya telah kutulis semenjak dahulu sampai sekarang mengenai soal ini.

Sayang, aku tak begitu gemar mengulang-ngulang cerita lama, hanya Aku berpada sekadar yang penting dan perlu.

Kalau tidak kerana itu, nescaya aku turunkan di sini semuanya, ataupun aku bawa engkau mengkaji dan mempelajarinya.

Kerana soal itulah yang menyebabkan makan tak kenyang tidur tak lena, mengelamunkan banyak anak muda-muda, melalaikan murid dari pelajarannya, melupakan pekerja dari pekerjaannya, merugikan saudagar dari perniagaannya. Inilah dia "penyakit cinta" yang diperbagai-bagaikan corak ragamnya oleh penyair-penyair dengan gurindamnya, dan dikupas oleh ahli-ahli sastera dengan berjela-jela.

Itulah yang sedang menekan jiwamu dalam usia 17 tahun, usia yang semuda itu.

Sungguhpun orang muda yang umurnya sedang meningkat seperti umurmu, syahwatnya lekas memuncak naik, terasa panasnya membakar jiwa, berubah dunia ini dalam pandangannya, berlainan pada penglihatannya. Ia tidak lagi memandang perempuan sebagai seorang manusa yang terbentuk daripada daging dan darah, mempunyai kelebihan dan kecacatan seperti lain-lain manusia, tetapi ia memandangnya suatu harapan yang menjadi tempat tumpuan segala harapan, dan suatu cita-cita tempat tumpuan segala cita-cita. Ia juga telah menyalutkannya (perempuan itu) dari khayalnya yang semulajadi, sehelai baju yang dapat menutupi kecacatannya dan melindungi kekurangannya, yang akan merupakannya sebagai sebuah patung keelokkan dan keindahan, sehingga menjadi halnya ibarat penyembah berhala yang menukangi berhalanya dengan tangannya dan menyembahnya sebagai Tuhannya.

Perempuan bagi pemuja asmara, tidak ubah seperti berhala bagi pemujanya.

Semua itu harus berlaku, diterima pula oleh akal. Tetapi perkara yang segia berlaku dan tidak masuk pada akal berlakunya, ialah bila pemuda yang baharu berusia 15 tahun telah pandai bermain asmara kemudian terpaksa ia tinggal belajar di sekolah untuk menamatkan pelajarannya sehingga umur 20 atau 25 tahun.

(sambungannya pada muka 36)

(sambungan dari muka 8)

Apakah yang ia akan lakukan kelak dalam masa yang tersebut, iaitu peringkat umur yang di dalamnya nafsu syahwat sedang hebat memberontak?

Apakah yang akan dibuatnya kelak?

Inilah soal yang rumit.

Adapun sunnatullāh (peraturan Allah) dan tabiat semula jadi akan berkata kepadanya: Berkahwinlah awak.

Adapun kedudukan masyarakat dan cara-cara pendidikan akan berkata kepada: Pilihlah salah satu daripada tiga perkara yang kesemuanya jahat-jahat belaka, tetapi awas, jangan awak cuba memikirkan perkara yang keempat, yang ialah sahaja yang baik sekali iaitulah perkahwinan:

Pertama hendaklah engkau memencilkan diri, dan berkhayal serta berangan-angan yang disuburkan dengan bacaan buku-buku lucah dan filem-filem yang cabul serta gambar-gambar yang tidak bersopan, sehingga itu sahaja yang akan dapat menguasai akal, pendengaran dan pemandanganmu, pada tiap-tiap saat dan ketika, yang berakhir membawa kepada runtuh tenaga da rosak fikiran.

Ataupun awak akan terdorong kepada mengerjakan "pekerti sulit" iaitu perbuatan yang sangat rendah dan tercela lagi besar mudharatnya kepada jasmani dan rohani.

Orang yang mengamalkannya akan kehilangan tenaga muda, lekas berubah menjadi tua bangka, hidupnya selalu berduka nestapa, tak ada kawan suka menyapa, malahan takut menghadapi hirup, akhirnya mati muda.

Ataupun ceburkan diri ke dalam kancah hawa nafsu yang angkara murka, dengan memenuhi panggilan syahwat dengan mengorbankan kesihatan, kemudaan, masa depan dan agamamu semata-mata kerana kelazatan yang hanya buat sementara waktu, dengan tidak mengindahkan cita-citamu bagi mencapai sijil sekolah yang engkau terharap-harap kepadanya dan membawa kehilangan engkau akan jawatan dan kedudukan yang baik serta akan terlepas segala peluang bagimu.

Jangan fikir, sesudah itu engkau akan puas, tidak anakku. Sekali sahaja tahu rasa perempuan, berkali-kali engkau hendak mengulanginya. Tetapi apa, bak meneguk air masin, makin diteguk makin dahaga.

Sungguh hikmat Tuhan 'Azza Wa Jalla sangat ajaib. Dijadikannya perbuatan yang mulia bersama-sama dengan pahalanya: kesihatan dan tenaga yang segera cergas; dan perbuatan jahat bersama-sama dengan balasannya: Keruntuhan tenaga dan penyakit, bukan sedikit kedapatan orang yang berumur 30 tahun kelihatan tua seperti orang yang berumur 60 tahun disebabkan perbuatan yang terkeji itu. Sebaliknya orang yang berumur 60 tahun kelihatan muda seperti orang yang berumur 30 tahun disebabkan ia pandai mengawal nafsu dan kehormatannya.

Punca segala bala ialah terbitnya dari segala perkara yang menggoda dan memberahikan ini, yang dianjurkan oleh broker-broker jahat dan utusan-utusan iblis, iaitu golongan yang menggalakkan perempuan supaya mendedahkan diri dan bercampur gaul dengan tidak berkecuali dengan bertopengkan kemodenan dan kemajuan kaum ibu, padahal mereka mengambil berat tentang soal perempuan yang demikian, tidak ubahnya seperti tukang sembelih yang berusaha membela dan menggemukkan kambingnya yang berakhir akan menjadi mangsa pisaunya.

Golongan yang sentiasa asyik menyiarkan gambar-gambar perempuan yang separuh telanjang di dalam majalah-majalah penerbitan mereka, pada mulanya daripada anak-anak wayang bangsa asing, kemudian daripada anak-anak sekolah dengan nama riadah, kemudian dengan perempuan-perempuan yang mandi laut dengan nama ber*picnic* dan beralih angin, lalu mereka berkekalan menyiarkan gambar-gambar yang tersebut terus menerus melalui masa yang lanjut, dengan mengikuti jalan yang telah ditentukan, lagi sabar kerana berharapkan limpah kurnia iblis, jika tidaklah kerana golongan yang tersebut, jika tidaklah kerana majalah-majalah mereka, jika tidaklah kerana cerita-cerita lucah dan

filem cabul itu, jika tidaklah kerana golongan-golongan yang berkelulusan dari sekolah-sekolah sesat, dan malangnya merekalah pula yang bertanggungjawab menjadi pendidik kepada anak-anak kita di sekolah-sekolah kita, nescaya tidaklah kita melihat hari ini dan tidak kita akan menyangka yang kita akan melihat pada suatu hari: Anak-anak perempuan Islam mendedahkan betis dan peha mereka kerana memasuki permainan bola keranjang atau mendedahkan diri dalam peraduan riadah, atau pun kerana ber*picnic* dan beralih angin di tepi pantai.

Seolah-olah aku mendengar engkau bertanya: "Penyakit ini apa ubatnya"?

Ubatnya wahai anakku hendaklah kita berbalik jalan Allah, mengikuti sunat Allah, menurut tabiat semula jadi. Allah Ta'ālā tidak mengharamkan sesuatu perkara melainkan dihalalkan perkara yang lain sebagai gantinya. diharamkan-Nya riba lalu dihalalkan berjual beli, diharamkan-Nya zina lalu dihalalkan-Nya perkahwinan, maka ubat yang mustajab itu ialah perkahwinan.

Perkahwinan, itulah sahaja jalan penyelesaian.

Tetapi sekiranya tak kemampuan untuk mendirikan rumahtangga (perkahwinan) apa hal? Maka tak ada lain jalan bagimu melainkan menggunakan jalan "*al-Tashāmī*" (yakni melipurkan hati dengan ibadat dan lain-lainnya).

Tak payah aku bawakan engkau keterangan yang mengenai soal ini dari segi ilmu jiwa, tetapi aku bawakan di sini satu misalan yang lebih mudah. Lihat sahaja sebuah cerek yang terjerang di atas api, apabila engkau tutup serapat-rapatnya akan meletuslah ia disebabkan wap yang terkurung di dalamnya, dan apakala engkau lubangkan nescaya akan meleleh airnya dan hanguslah pula cerek itu, tetapi kiranya engkau salurkan kuasa wap itu nescaya ia akan dapat menjalankan keretapi, menjalankan jentera-jentera di kilang dan melakukan perkara-perkara yang ajaib.

Keadaan cerek yang pertama adalah serupa dengan seorang yang menahan nafsu syahwatnya yang sedang memberontak, dan keadaannya yang kedua adalah serupa dengan orang yang menurut jalan sesat dan memasuki tempat-tempat pekerjaan yang haram, adapun keadaan yang ketiga ialah menurut cara "*al-Tashāmī*".

"*Al-Tashāmī*" ini maksudnya hendaklah engkau melipurkan hati dengan menggunakan tenaga rohani, akal fikiran, hati dan tubuh badan yang akan mengurangkan perasaan syahwat yang terpendam itu dengan membanyakkan ibadat kepada Tuhan 'Azza Wa Jalla dan menjauhkan diri daripada segenap perkara yang menggoda dan memberahikan itu. Demikian juga dengan menjalankan riadah dan menjaga tubuh badan.

Manusia wahai anakku, pada adatnya akan lebih mengutamakan dirinya sendiri daripada diri orang lain. Apakala ia berdiri di hadapan cermin dan melihat dadanya yang bidang dan lengannya yang berulas-ulas, maka potongan badan yang demikian cantiknya, sudah tentulah berharga kepadanya dan tidak akan dirosakkan dan dikorbankan kerana menuruh rontaan syahwat.

Inilah dia ubat yang mujarab, iaitulah perkahwinan, kalau tidak maka gunakanlah cara "*al-Tashāmī*" yang disebutkan tadi, sebagai penawar sementara, tetapi mempunyai daya yang kuat, bahkan berguna dan tidak membahayakan.

Tentang apa yang dikatakan oleh golongan yang bebal atau yang merosakkan itu, bahawa ubat kerosakan masyarakat ini ialah membukakan pintu supaya lelaki dan perempuan bercampur gaul dengan bebas sehingga dengan cara yang dilazimkan itu pengaruh syahwat akan patah, dan dengan membuka taman-taman hiburan dan meluluskan (diberi lesen) kepada rumah pelacuran yang kononnya akan dapat menghapuskan pelacuran gelap, maka itu adalah omong kosong.

Berapa banyak sudah dicuba oleh umat-umat yang bukan Islam, malangnya tidak berjaya bahkan telah menambahkan bahaya

dan angkaranya.

*

Apa yang mereka anjur itu semuanya omong kosong, bukan terbitnya dari akal fikiran mereka yang siuman, bahkan datangnya dari dorongan pengaruh syahwat mereka. Mereka tidak bertujuan hendak membaiki akhlak, atau memajukan kaum perempuan, atau menyiarkan tamadun, atau menimbulkan semangat riadah, tetapi semuanya itu hanya kata-kata kosong yang diulang-ulangi, setiap hari mereka membentuk perkara-perkara yang baharu, dan mempengaruhi orang ramai dengan dakyah-dakyah mereka. Mereka sebenarnya hanya menghendaki kita mengeluarkan anak-anak dan saudara-saudara perempuan kita kepada mereka supaya mereka mudah dan puas memandang tubuh-tubuh badan mereka sebagai halwa mata dengan cara yang haram, dan memajukan diri untuk menemani mereka dalam pelayaran atau menari bersama dalam majlis-majlis keramaian. Malangnya bukan sedikit daripada ibu bapa yang telah terpedaya kepada tipu daya iblis-iblis ini supaya mereka di kata orang moden dan mengikut zaman kemajuan konon!

Al hasil anakku, janganlah lagi ragu-ragu bagi menulis kepada aku kiranya jawapan ini tidak memuaskan. Janganlah anakku malu daripada menerangkan akan tekanan syahwat itu yang engkau rasai, syahwat yang telah ditanam oleh Tuhan Azza wa Jalla di dalam diri manusia, kerana perasaan itu ialah alamat kekuatan, kesihatan dan kemudaan. Aku syorkan: Kahwinlah, walaupun engkau masih menuntut, kalau tidak sanggup maka berpeganglah kepada perintah Tuhan, kerjakanlah ibadat, kajilah pelajaran, dan lazimkanlah riadah kerana itulah sahaja ubat yang mujarab. Sekianlah.



Jeneral J.K. Boran: Pengarah gerakan menentang pengganas Malaya dan panglima pemerintah tentera Malaya, baharu-baharu ini telah melawat ke Kolej Tentera Persekutuan Tanah Melayu di Port Dickson kerana menghadiri upacara barisan menyambut hari ulangtahun pertama tertubuhnya Kolej Tentera Malaya.